



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our ref.: (4) 04/C/P/NKD/656-1

6 Ogos 2021

KEPADA SEMUA PEMEGANG LESEN MPOB

Tuan / Puan

PEMBERITAHUAN SUPAYA MENGEMUKAKAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT (DOKUMEN SSM) TERKINI KETIKA MEMOHON PEMBAHARUAN LESEN MPOB

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sila ambil maklum bahawa berkuat kuasa pada **1 September 2021**, semua pemegang lesen MPOB hendaklah melampirkan dokumen pendaftaran syarikat SSM terkini secara atas talian ketika memohon pembaharuan lesen. Dokumen SSM tersebut boleh dibeli secara atas talian melalui pautan SSM e-Info yang terdapat pada sistem MyLesen MPOB semasa tuan / puan mengisi borang pembaharuan lesen.

3. SSM mengenakan bayaran sebanyak RM15.30 untuk dokumen tersebut dan bayaran boleh dibuat melalui FPX pada pautan yang sama.

4. Permohonan pembaharuan lesen yang tidak disertakan dokumen SSM terkini adalah dianggap tidak lengkap dan pembaharuan lesen tidak diproses. MPOB amat menghargai di atas keprihatinan tuan / puan dalam mematuhi keperluan ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah

IPTISAM ABDUL WAHAB

Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan

b.p. Ketua Pengarah MPOB

s.k. Ketua MPOB Wilayah
Ketua Pejabat MPOB Cawangan



Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Wisma Sawit, Lot 6, SS 6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel : 03-7802 2800 • Fax : 03-7803 4014 • www.mpob.gov.my